



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Undang-Undang Kecil
Pelesenan Anjing
(Majis Perbandaran Pengerang)
2021**

**Licensing of Dogs
(Pengerang Municipal Council)
By-Laws
2021**


| | |
|----------------------|--|
| Jenis Sumber Kuasa | Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / By-Laws |
| Nombor Sumber Kuasa | UUK 9 |
| Versi | Bahasa Melayu |
| Nombor Warta | J. P.U. 65 / 2021 |
| Tarikh Warta | 25 November 2021 |
| Tarikh Berkuat Kuasa | 25 November 2021 |



UNIT UNDANG-UNDANG
MAJLIS PERBANDARAN PENGERRANG

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1
Taman Dijau Utama, 81030 Bandar Penuhar, JOHOR

07-886 2892 | 07-886 2896 | legal@mpppengerang.gov.my



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 24

25hb November 2021

TAMBAHAN No. 20
PERUNDANGAN

J. P.U. 65.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2021

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Pengerang membuat menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Perbandaran Pengerang) 2021** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Pengerang.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:-

“anjing” ertiannya anjing yang telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“anjing terlarang” ertiannya mana-mana anjing yang dinyatakan sebagaimana Jadual II;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pengerang;

“pemunya” berhubungan dengan seekor anjing ertinya orang yang memiliki, menjaga atau mengawal anjing itu, dengan syarat bahawa jika sekiranya merasa ragu tentang keempunyaan seekor anjing, pemunya atau penduduk premis yang sering didatangi oleh anjing itu atau seseorang yang biasanya memberi makan anjing itu hendaklah disifatkan sebagai pemunya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Yang Dipertua;

“pihak berkuasa haiwan” mempunyai pengertian yang diberi kepadanya oleh seksyen 2 Akta Binatang 1953 [*Akta 647*]; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

Kehendak pelesenan

3. (1) Tiada seseorang boleh memiliki, menyimpan, melindung atau menyelenggara seseekor anjing yang telah mencapai umur tiga bulan melainkan ianya telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sesuatu lesen itu hendaklah tamat tempoh pada 31hb Disember tahun lesen itu dikeluarkan.

Prosedur pelesenan

4. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen hendaklah dibuat melalui borang sebagaimana yang diperuntukan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan bayaran untuk lesen sebagaimana Jadual dan disertai dengan Sijil Veterinar yang sah dari Doktor Veterinar yang bertauliah.

(2) Apabila menerima sesuatu permohonan untuk lesen itu Pihak Berkuasa Melesen hendaklah—

- (a) mendaftarkan anjing yang berkenaan dengan menyebabkan suatu catatan dibuat dalam daftar yang disimpan bagi maksud itu mengenai perihal anjing dan nama serta alamat pemunyanya;
- (b) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lencana logam yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftaran anjing itu; dan
- (c) mengeluarkan kepada pemunya anjing suatu resit bagi bayaran yang dibayar dan resit tersebut hendaklah mengandungi perihal anjing itu.

Pertukaran pemunyaan anjing yang berlesen

5. Jika terdapat pertukaran pemunyaan seekor anjing yang berlesen pemunya yang baru hendaklah, dalam tempoh sebulan dari itu memberitahu Pihak Berkuasa Melesen mengenai pertukaran itu dan Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mendaftar nama serta alamat pemunya baru itu dan bayaran sebanyak sepuluh ringgit adalah dikenakan untuk penukaran tersebut.

Kehilangan lencana logam

6. Tiada penggantian boleh dikeluarkan bagi lencana logam yang hilang dalam tahun semasa anjing itu dilesenkan, tetapi pemunya anjing berkenaan boleh mendapatkan suatu lesen baru atas permohonan dan pembayaran sebagaimana Jadual I.

Anjing memakai tanda logam

7. Pemunya anjing yang berlesen hendaklah mengadakan kolar anjing yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu, yang padanya lencana logam semasa itu hendaklah dipasang dengan kukuh mengikut apa-apa cara supaya boleh dilihat oleh anjing yang dilesenkan pada setiap masa sama ada berada di luar atau di dalam rumah kawasan Majlis.

Anjing berlesen yang disyaki menghidap penyakit

8. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh memerintah pemunya mana-mana anjing berlesen yang disyaki menghidap penyakit supaya membawa anjing tersebut kepada Doktor Veterinar berdaftar atau Pegawai Veterinar Majlis untuk pemeriksaan dan rawatan. Kegagalan mematuhi perintah ini adalah suatu kesalahan.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau Pegawai Veterinar Majlis atau mana-mana Doktor Veterinar berdaftar hendaklah dengan segera melaporkan kepada Pihak Berkuasa Haiwan berkenaan dengan berlakunya apa-apa penyakit yang ditentukan oleh Akta Binatang 1953 [*Akta 647*].

Suntikan mencegah penyakit anjing gila

9. Semua anjing hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit gila (hydrophobia) oleh pihak berkuasa veterinar pada bila-bila masa sesuatu perintah Suntikan Mencegah Anjing Gila dibuat berkenaan dengan mana-mana kawasan yang dijangkiti dengan penyakit anjing gila menurut seksyen 42 Akta Binatang 1953 [*Akta 647*].

Kewajipan pemunya

10. Pemunya anjing hendaklah—

- (a) menyelenggara rumah anjing di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan cuci dan bersih;

- (b) membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing itu, dan berbuat begitu mengikut atau dengan apa-apa cara yang tidak mungkin akan menyebabkan kesalahan atau kesusahan orang-orang lain;
- (c) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak menganggu disebabkan salakan yang tidak berhenti-henti atau selainnya, kepada jiran-jirannya; dan
- (d) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunya dan bahawa anjing itu berikat apabila dibawa keluar dari premis pemunya.

Pembinasaan

11. (1) Mana-mana anjing yang berumur lebih daripada tiga bulan dijumpai lepas bebas atau dijumpai di tempat awam dengan tidak memakai lencana logam bagi tahun semasa atau mana-mana anjing yang berpenyakit bolehlah dibinasakan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud ini oleh Majlis dan mana-mana orang yang diberi kuasa sedemikian boleh pada bila-bila masa memasuki dan memeriksa mana-mana premis atau tanah bagi maksud membinasakan anjing itu.
- (2) Mana-mana anjing, sama ada berlesen atau pemunyanya tidak dapat ditemui, boleh dibinasakan atau dihapuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Bilangan anjing yang dibenarkan

12. Tiada seseorang dibenarkan memelihara anjing di dalam bangunan kediaman bertingkat strata. Pemunya anjing tidak dibenarkan memelihara anjing melebihi seekor di dalam rumah teres atau rumah link, dua ekor di dalam rumah berkembar dan tidak melebihi empat di dalam rumah banglo kecuali diluluskan oleh Yang Dipertua.

Pelesenan tempat-tempat di mana anjing disimpan bagi maksud perdagangan

13. (1) Tiada seseorang boleh menggunakan mana-mana bangunan, premis atau pegangan untuk menyimpan anjing untuk pembibitan bagi maksud perdagangan atau sebagai rumah anjing veterinar atau klinik melainkan jika dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen bagi maksud itu.
- (2) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat dalam Borang sebagaimana yang diperuntukan oleh Majlis hendaklah disertakan dengan bayaran untuk lesen sebanyak tiga ratus ringgit setahun.

Kuasa menyita anjing-anjing yang tidak berlesen dan anjing-anjing yang terlarang

14. (1) Majlis boleh menyita anjing yang tidak berlesen dan anjing yang terlarang di luar kawasan premis dan di mana-mana tempat awam.

(2) Majlis juga boleh menyita anjing yang tidak berlesen dan anjing yang terlarang di dalam kawasan premis dengan waran sitaan yang dikeluarkan oleh Majistret.

(3) Apa-apa kos sitaan ditanggung oleh pemunya anjing sepetimana dalam Jadual III.

(4) Jika mana-mana anjing yang disita mengikut Undang-Undang Kecil ini—

(a) telah ditahan—

(i) selama 7 hari selepas sitaanya; atau

(ii) sekiranya notis disampaikan selama 7 hari selepas notis itu disampaikan; dan

(b) tidak dituntut oleh pemunya atau pemunya enggan membayar fi yang dinyatakan, maka Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa boleh menyebabkan anjing itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(5) Majlis tidaklah bertanggungan untuk membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pemunya bagi apa-apa kecederaan atau kematian mana-mana ajing semasa anjing itu ditahan.

(6) Majlis juga tidaklah bertanggungan untuk membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana pemunya bagi mana-mana anjing yang dilupuskan di bawah perenggan (4).

(7) Bagi tuntutan di bawah perenggan (4) pemunya anjing hanya boleh menuntut anjing bagi kesalahan yang dilakukan buat kali pertama, bagi pemunya anjing yang melakukan kesalahan kali kedua dan seterusnya tidak boleh menuntut anjing tersebut dan Majlis boleh melupuskan anjing tersebut dengan cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

Pengkompaunan kesalahan

15. (1) Majlis boleh, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang dengan munasabah disyaki telah melakukan suatu kesalahan, mengkompaun kesalahan itu setelah bayaran dibuat kepada Majlis suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan tersebut dalam suatu masa yang boleh dinyatakan dalam tawaran.

(2) Suatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum pendakwaan baginya dimulakan dan di mana amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam masa lanjutan seperti yang dinyatakan oleh Majlis boleh membenarkan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

- (3) Di mana suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1)–
- tiada pendakwaan boleh kemudiannya dimulakan berkenaan dengan kesalahan sedemikian terhadap orang yang tawaran mengkompaun telah dibuat; dan
 - apa-apa buku, rekod, perkakas, pelengkap, instrumen, material, artikel atau apa-apa benda yang telah disita berhubung dengan kesalahan tersebut, boleh dirampas, dihapuskan atau dikembalikan kepada orang itu, sepetimana yang Majlis menganggap patut selepas membuat pertimbangan mengenai sifat kesalahan dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sedemikian yang boleh dikenakan.

Penalty

16. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat dalam sesuatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

JADUAL I

[Undang-undang Kecil 4 dan 6]

BAYARAN UNTUK LESEN

| Bil. | Jenis Anjing | Kadar lesen setahun |
|------|-------------------------------|---------------------|
| 1. | Anjing yang belum dimandulkan | RM60.00 seekor |
| 2. | Anjing yang telah dimandulkan | RM40.00 seekor |

JADUAL II

[Undang-undang Kecil 2]

ANJING TERLARANG

- Pit Bull Terrier/Pit Bull juga dikenali sebagai (American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier dan Stafford Bull Terrier)
- American Bulldog
- Neapolitan Mastiff
- Japanese Tosa
- Akita
- Dogo Argentino
- Fila Braziliero

JADUAL III

[Undang-undang Kecil 14]

| | |
|---|---------|
| Caj penyitaan seekor anjing setiap hari | RM30.00 |
|---|---------|

JADUAL IV

**KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN
ANJING (MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2021**

1. Anjing yang dipelihara menimbulkan suatu masalah atau kacau ganggu atau mewujudkan sebarang gangguan atau ketidakselesaan kepada penghuni lain seperti:

- (a) Melakukan atau menyebabkan kerosakan harta benda awam atau kecederaan kepada penduduk di bangunan kediaman atau premis kediaman;
- (b) Membuat bising (siang atau malam) dan menimbulkan kacau ganggu bunyi bising kepada penduduk setempat;
- (c) Berkeliaran bebas tanpa pengawasan atau berkeliaran keluar dari tempat anjing itu dipelihara;
- (d) Mempamerkan tingkah laku yang agresif atau berbahaya atau mungkin berbahaya;
- (e) Membuang najis (membuang air kecil atau air besar) di kawasan umum dan kawasan milik persendirian;
- (f) Apa-apa perkara lain yang diisyiharkan oleh Yang Dipertua sebagai suatu kacau ganggu.

2. Pemilik atau pemunya anjing yang tidak mematuhi syarat seperti:

- (a) Gagal memastikan atau menjalankan pengawasan terhadap anjing yang dipelihara pada setiap masa;
- (b) Tidak memberikan imunisasi kawalan penyakit atau pemeriksaan kesihatan kepada anjing yang dipelihara secara berkala;
- (c) Gagal mematuhi syarat tentang jumlah maksimum anjing yang boleh dipelihara terhad kepada unit pemilik yang ditetapkan oleh Majlis;
- (d) Tidak memastikan anjing diikat dan ditutup mulutnya dan berada di bawah kawalan yang sepatutnya pada setiap masa bila mana anjing itu dibawa keluar dari premis;
- (e) Tidak memastikan premis anjing dipelihara dipagar dengan selamat dan pagar itu disenggara dengan sepatutnya pada setiap masa;

- (f) Tidak mempamerkan pada setiap masa tanda "AWAS ANJING" di suatu tempat yang ketara dan mudah dilihat di bahagian hadapan dan belakang premisnya;
- (g) Menggunakan tempat atau peralatan kemudahan awam untuk membersihkan atau memandikan aajing yang dipelihara;
- (h) Gagal memperbaharui lesen anjing selepas tamat tempoh lesen tersebut.

Bertarikh 8 Februari 2021
[Bil. (57) dlm. MPP/PUU/05/20]
[SUKJ.KT. 24/69/8 JLD. 2(53); PPUUNJ. 600-1/2/15(6)]

FIZWAN BIN DATO' HAJI MOHD RASHIDI
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang

Disahkan 13 Oktober 2021
[Ringkasan Mesyuarat Bil.: 955/2021]

HAJI ZAINAL BIN ERAN
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor